

# Rakyat desa dibela terus

**BAGAN DATOH, Ahad —** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Kerajaan akan menggalakkan lebih ramai penduduk luarbandar melibatkan diri dalam industri kecil di luarbandar sebagai salah satu langkah meningkatkan taraf hidup rakyat.

Perdana Menteri berkata, di samping itu Kerajaan juga akan terus melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan untuk membantu golongan-golongan seperti petani dan nelayan.

Berucap kepada 4,000 orang penduduk di Sungai Sumun, 16 km dari sini, Datuk Seri Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan Kerajaan tidak dapat memberi kekayaan secara langsung kepada rakyat tetapi cara yang paling baik ialah dengan menyampaikan ilmu pengetahuan agar mereka dapat mengatasi masalah sendiri.

Beliau menegaskan, rakyat terutamanya petani perlu sanggup menukar cara-cara pertanian lama mereka kepada cara-cara pertanian moden dan menggunakan benih-benih tanaman yang lebih berhasil.

Beliau juga mengingatkan golongan-golongan yang telah menikmati hasil pembangunan negara supaya memikirkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang belum menerimanya.

Beliau berharap golongan tersebut tidak akan terus "meminta" dan sebaliknya memberi peluang kepada rakyat yang masih ketinggalan menikmati hasil-hasil pembangunan.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan Amal Maaruf — sebuah badan kebajikan di sini dan dalam ucapannya berkata, Kerajaan tidak dapat memberi bantuan kepada semua badan kebajikan yang wujud di negara ini.

Beliau sebaliknya berharap badan-badan tersebut akan dapat menjalankan usaha-usaha sendiri untuk menjayakan kegiatan-kegiatan mereka.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia